

# UMS lancar Perpustakaan Multimedia pertama

Oleh **RUZAINI ZULKIFLI**  
noscore2006@yahoo.com

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melangkah setapak lagi dalam bidang teknologi maklumat dengan pembukaan Perpustakaan Multimedia pertama, di sini kelmarin.

Melalui kelengkapan fasiliti perpustakaan berkenaan, ia memudahkan para penuntut dan kakitangan UMS dalam akses pengajian dan penyelidikan teknologi maklumat.

Naib Canselor UMS, Brig-Jen. Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Hj Ampon, berkata dengan kemudahan itu akan menyaksikan lebih banyak kajian serta penyelidikan mengenai teknologi maklumat dijalankan di universiti tersebut.

“Melaluinya, kita yakin sekolah ini berjaya menghasilkan penyelidikan oleh anak tempatan. Malah kita melihat perkara ini secara positif dengan kemudahan mengakses teknologi informasi dengan melibatkan fasiliti yang moden dan canggih,” katanya sempena perasmian perpustakaan multimedia berkenaan di Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM), kelmarin.

Teks ucapannya dibacakan Timbalan Naib Canselor, Profesor Dr. Rosnah Ismail.

Turut hadir Ketua Pustakawan, Dayang Rukiah Ag Amit, dan Dekan SKTM, Prof Dr Rosalam Sarbtlly.

Dr Kamaruzaman berkata SKTM yang diwujudkan sejak 1996 itu kini berupaya melahirkan graduan di dalam bidang kejuruteraan dan infomasi teknologi.

“Melaluinya, kita yakin sekolah ini berjaya menghasilkan penyelidikan oleh anak tempatan. Malah kita melihat perkara ini secara positif dengan kemudahan mengakses teknologi informasi dengan melibatkan fasiliti yang moden dan canggih.”

**BRIG-JEN. PROF DATUK SERI PANGLIMA DR KAMARUZAMAN HJ AMPON**  
Naib Canselor UMS



**SYABAS...Rosnah (tengah) menunjukkan isyarat bagus bersama pelajar jurusan SKTM yang menyertai pertandingan Robocon peringkat kebangsaan. Turut kelihatan Rosalam (dua kiri) dan Dayang Rukiah (tiga kiri).**

“Sejak itu, SKTM membuka ruang untuk menghasilkan graduan yang inovatif dan penyelidikan baru terhadap bidang berkenaan.

“Kini kita telah melangkaui selangkah lagi dengan pembukaan Perpustakaan Multimedia ini,” katanya.

Selepas perasmian, Rosnah

melawat kemudahan tersebut dan menemui beberapa pelajar jurusan SKTM yang menyertai pertandingan Robocon peringkat kebangsaan tahun ini.